

# Sukarelawan iM4U sentiasa bersedia

» Beri sokongan padu dalam menjayakan aktiviti kemasyarakatan

Oleh Abdul Kahar Abdullah

Selaras objektif penubuhan 1Malaysia for Youth (iM4U) untuk menggerakkan belia dalam bidang kesukarelawanan bersifat 'nation building', iM4U sentiasa bersedia tampil memberi sokongan padu dalam menjayakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Sepanjang 2013, lebih 500 program kesukarelawanan dijalankan yang memberi manfaat kepada pelbagai peringkat golongan seperti pelajar sekolah, orang kelainan upaya, anak yatim dan orang tua.

Penutup tirai 2013 yang disambut sebagai Tahun Sukarelawan Malaysia, iM4U menjalankan aktiviti serentak di seluruh negara untuk meraikan Hari Sukarelawan Antarabangsa (International Volunteer Day-IVD) pada 5 Disember 2013. Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan 5 Disember setiap tahun itu disambut bagi mengiktiraf peranan yang dimainkan semua sukarelawan dalam menjayakan pelbagai program dan bantuan kemasyarakatan di seluruh dunia.

Hari Sukarelawan Antarabangsa memberi peluang kepada sukarelawan, masyarakat umum, pihak kerajaan dan agensinya, serta pihak swasta bekerjasama bagi mencapai sesuatu tujuan berasaskan semangat kesukarelaan.

Sambutan serentak ini membolehkan semua negara mempro-



Sebahagian Sukarelawan iM4U mendengar taklimat sebelum membantu mangsa banjir, baru-baru ini.

## NBOS

mosikan sikap tanggungjawab, disiplin, semangat kerjasama, cinta negara dan sifat prihatin rakyat mereka kepada dunia. Ini satu landasan dan peluang terbaik bagi mengumpulkan orang ramai untuk tampil membantu, menimba pengalaman dalam melaksanakan kerja sukarelawan.

### Luas jaringan kerjasama

Ia juga dilihat sebagai satu usaha membolehkan mereka meluaskan jaringan kerjasama antara sukarelawan dengan masyarakat, badan, mahupun persatuan tempatan. Sukarelawan iM4U melalui misi sukarelawan berhasrat meringankan beban mangsa dan mengharapkan lebih ramai orang awam tampil mendaftar sebagai sukarelawan untuk membantu mereka yang memerlukan.

Program iM4U seperti Cook4U (sukarelawan iM4U bersama penduduk tempatan memasak dan mengagihkan makanan kepada rumah orang tua dan anak yatim), Tourism4U (sukarelawan iM4U mengedarkan risalah/maklumat untuk mempromosi Tahun Melawat Malaysia 2014), Tarian4U (sukarelawan iM4U mengajar tarian kepada kanak-kanak di pusat pemulihan) dan pelbagai program gotong-royong dijalankan di setiap negeri, termasuk Sabah dan Sarawak pada tarikh berkenaan.

Kami bangga iM4U bersedia berkhidmat mengikut keperluan semasa. Sebagai contoh, ketika Segamat, Johor dilanda banjir, sukarelawan iM4U menjalankan tindakan proaktif dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan program bantuan banjir di Johor.

Mereka memasak juadah dan diagihkan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan, balai raya kampung dan sekolah agama.

Pada akhir 2013, negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia sekali lagi dilanda banjir dengan Kuantan dan Kemaman mengalami bah paling teruk dalam tempoh 20 tahun. Sukarelawan iM4U tampil memberi bantuan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan dan membersihkan kediaman.

### Babit 3,000 sukarelawan

Sukarelawan iM4U turut menggerakkan Outreach Centre di institusi pengajian tinggi (IPT) untuk melaksana misi bantuan banjir ini. Sebanyak 14 IPT yang terdiri daripada universiti, politeknik dan kolej komuniti mengambil bahagian dalam misi bantuan banjir ini dengan pembabitannya kira-kira 3,000 sukarelawan. Universiti Malaysia Pahang menjadi pusat operasi bantuan banjir untuk daerah Kuantan.



“Ini adalah satu landasan dan peluang terbaik bagi mengumpulkan orang ramai untuk tampil membantu, menimba pengalaman dalam melaksanakan kerja sukarelawan”

**Abdul Kahar Abdullah**  
Pengarah Bahagian  
Perhubungan Kerajaan  
iM4U

Beberapa siri program bantuan dijalankan di Kuantan memandangkan daerah itu kawasan paling teruk dilanda banjir. Antara siri bantuan dijalankan pada 7 dan 8 Disember 2013 adalah di Outreach Centre Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jengka dan Shah Alam serta Kolej Komuniti Rompin serta Street Team iM4U, Radio ERA dan Sinar FM dengan jumlah sukarelawan kira-kira 200 orang. Program bantuan banjir ini menumpukan dua tempat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Paya Besar dan kediaman di Sungai Isap, Kuantan.

Lebih 8,000 mangsa banjir di-

tempatkan di SMK Paya Besar dan sukarelawan kami membantu membersihkan pusat penempatan banjir itu supaya pulih bagi memulakan persekolahan 2014.

Sepanjang enam jam berada di sekolah itu, sukarelawan iM4U berjaya membersihkan lumpur dan membuang semua sampah sarap yang terkumpul ketika mangsa banjir berada di sana. Mereka bertungkus lumus mengatur semula bilik darjah, Dewan Sekolah, kantin dan taman sekolah.

Pada masa sama, iM4U menerima rayuan warga emas yang menetap di Kampung Sungai Isap untuk membantu membersihkan rumahannya. Mangsa banjir, Siti Hawa Majid dan ibunya yang berkerusi roda tinggal tiga beranak dengan adiknya, tetapi tidak berupaya mengeluarkan barang rosak mahupun membersihkan air berlumpur yang naik setinggi kira-kira dua meter.

Seramai 20 sukarelawan iM4U bergegas ke Kampung Sungai Isap untuk misi bantuan ini. Setibanya di lokasi, mereka merasai kesusahan dan kepayahan yang dihadapi mangsa banjir apabila masing-masing berpecah kepada kumpulan untuk mengeluarkan perabot, membersihkan rumah, mengemaskan pakaian dan meringankan sedikit beban keluarga itu. Kerja pembersihan diteruskan oleh sukarelawan Outreach Centre Kolej Komuniti Rompin sehingga seluruh rumah dan peralatan selesai dibersihkan.

Selain itu, beberapa kumpulan sukarelawan iM4U lagi menjalankan kerja pembersihan di rumah mangsa banjir lain dan pusat jagaan kanak-kanak serta balai raya yang teruk dilanda banjir di sekitar Taman Sungai Isap.

**Penulis**  
ialah Pengarah Bahagian  
Perhubungan Kerajaan iM4U



Sukarelawan iM4U bertungkus lumus membantu mangsa banjir.